

AMANAT TAHUN BARU 2018



Penulis/Foto : Idris Awab

Serdang, 23 Januari - Jabatan Pertanian harus terus menyinar ditahun 2018 dengan membina keyakinan dan kepercayaan kepada stakeholder kerana "PERTANIAN HEBAT". Begitulah yang disarankan oleh Ketua Pengarah Pertanian (KPP) yang baru, YBhg. Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali di majlis Amanat Tahun Baharu yang telah diadakan hari ini.

Majlis amanat yang diadakan di Palm Garden IOI, Putrajaya dihadiri oleh semua Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pertanian Bahagian dan Negeri. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Wawasan Pertanian dan diikuti dengan lafaz ikrar integriti.

Dato' KPP dalam amanatnya mengajak warga kerja Jabatan memikirkan semula sejauh mana pencapaian di masa-masa lalu. Ini menurutnya berdasarkan Global Food Security Index (GFSI) 2017, kedudukan sekuriti makanan Negara menurun dari kedudukan 35 ke kedudukan 41 daripada 113 negara.

Antara penyumbang penurunan kedudukan Negara adalah penurunan skor dalam kategori “Availability”, di mana analisa GFSI adalah berdasarkan komponen Availability; Affordability; serta Quality & Safety.

Namun begitu menurut beliau, sumbangan oleh sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Nagara Kasar (KDNK) Pertanian meningkat sebanyak 41% pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya iaitu 37%. Dan kenaikan ini terus meningkat berdasarkan KDNK suku pertama tahun 2017.

Sebagai tindakan pada tahun 2018, Dato’ KPP mengajak warga kerja jabatan mengambil tindakan dengan merangka Strategi Perlaksanaan dan Pemantauan yang lebih berkesan.

Ini termasuklah memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan Pertanian berada di tahap yang TERBAIK dan pelaksanaan program/projek dapat memberi impak yang tinggi kepada golongan sasaran dan kerajaan.

Warga kerja Jabatan Pertanian menurut beliau yang berada di merata tempat mampu menyinar pada bila-bila masa dan menonjolkan kebolehan masing-masing. Menurut Dato’ KPP apabila ianya bersatu, ianya mampu menjadikan sektor pertanian di negara ini sebagai “PERTANIAN HEBAT”.

Menurut beliau lagi, tahun 2018 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi memastikan Jabatan Pertanian terus kekal relevan selepas 113 tahun perkhidmatan serta dapat memenuhi keperluan stakeholder pada masa kini dan ini akan dinilai oleh rakyat sendiri.

Antara fokus utama tahun 2018 adalah menyahut dan melaksanakan pengumuman YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet 2018 mengenai inisiatif SUMBER KEKAYAAN BAHARU khususnya untuk penanaman jagung bijian, kelapa, durian dan kulineri serta industri tenusu.

Impak dari sumber kekayaan baharu ini akan dapat menjamin sekuriti dan kedaulatan makanan, peningkatan pendapatan petani, mengurangkan kebergantungan import dan meningkatkan daya saing petani.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab warga kerja jabatan untuk meningkatkan pengeluaran dan eksport dan mengurangkan import. Ini boleh dilakukan dengan penggunaan internet of things (IOT) dan smart farming dalam sektor pertanian ke arah Revolusi Perindustrian Keempat dan Ekonomi Digital.

Katanya, “Dunia tanpa sempadan, jauh bukan alasan, yang ada masalah kita bantu selesaikan.”